


**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
KAMPUS BANGI**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENGEMASKINIAN REKOD PERIBADI DI DALAM SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT
SUMBER MANUSIA (HRMIS)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa pada tahun 2018, peringatan berhubung pengemaskinian rekod peribadi di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) telah dimaklumkan kepada semua warga (Kumpulan Akademik, Pengurusan & Profesional dan Pelaksana) Kampus Bangi melalui saluran seperti berikut:

- a) Portal e – Warga; dan
 - b) E-mel kepada Ketua Pentadbiran
2. Fungsi utama HRMIS adalah bagi tujuan pengemaskinian rekod perkhidmatan dan maklumat peribadi semua warga Universiti secara menyeluruh. Pengemaskinian maklumat tersebut adalah penting untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan di hospital dan kelancaran proses persaraan warga Universiti.
3. Sekiranya maklumat peribadi di dalam sistem HRMIS tidak dikemaskini, ia akan memberi implikasi seperti berikut:
- a) Staf tidak dapat menggunakan perkhidmatan kemudahan perubatan hospital (surat jaminan tidak dapat dicapai oleh hospital yang berkenaan); dan
 - b) Proses persaraan staf tidak dapat diuruskan dengan lancar.
4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua warga di Pusat Tanggungjawab untuk mengemaskini rekod peribadi di dalam sistem HRMIS melalui laman web <https://hrmis2.eghrmis.gov.my>. Staf perlu mengemaskini maklumat peribadi dari semasa ke semasa dan memastikan ketepatan maklumat di dalam sistem HRMIS.
5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi urus setia HRMIS iaitu Puan Arzana Zakaria (03-89118227) / Encik Roszaide Elon (03-89118242) / Cik Ainur Amirah Rawi (03-89118243) / e-mel (hrmis@ukm.edu.my), Unit Elaun, Saraan dan Prestasi, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.



MS ISO 9001: 2015

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan


Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>


Cert No. : QMS 02549

Sekian, kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.
Terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Salam hormat,


ABD RAZAK HUSSIN
Pengarah Eksekutif Pentadbiran



MS ISO 9001: 2015

Cert No. : QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>